

# KERATAN AKHBAR

TARIKH : 31 OKTOBER 2023

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 2

## Tiada lagi subsidi ayam mulai esok

# Tiada lagi subsidi ayam mulai esok

Langkah tangani ketirisan subsidi yang turut dinikmati warga asing dan orang kaya

Oleh IZWAN ROZLIN KUALA LUMPUR



Mohamad (tengah) ketika sidang akhbar Penamatan Kawalan Harga dan Subsidi Ayam di Auditorium Tun Ahmad Sarji, Menara LPP di Kuala Lumpur pada Isnin.

Selaras dengan pendekatan penyasaran semula subsidi secara berfasa, kerajaan bersetuju agar subsidi dan kawalan harga bagi ayam sahaja yang akan ditamatkan sepenuhnya bermula esok.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu bagaimanapun berkata, subsidi serta kawalan harga bagi telur ayam gred A, B dan C akan diteruskan menggunakan mekanisme sedia ada.

Beliau berkata, sejak Februari 2022, kerajaan menanggung sebanyak RM3.8 bilion subsidi ayam dan telur dengan RM100 juta adalah di-khaskan untuk ayam.

"Rasional penamatan subsidi secara pukal bagi ayam adalah untuk mengurangkan ketirisan subsidi di mana pada ketika ini yang turut dinikmati oleh warga asing dan golongan berpendapatan tinggi.

"Penamatan harga kawalan ayam juga menyokong

kemampuan industri pengeluaran ayam tempatan," katanya pada sidang akhbar di Menara Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) di sini pada Isnin.

Mohamad berkata, melalui kaedah tersebut, kerajaan akan dapat meningkatkan pelbagai inisiatif sosioekonomi dan kebajikan rakyat termasuk bantuan tunai.

"Penamatan subsidi ayam ini mengambil kira situasi dan trend semasa bekalan serta harga ladang dan kos pengeluaran ayam telah mula stabil, yang menyumbang kepada harga pasaran semasa kini berada di bawah harga siling," ujarnya.

Dalam hal ini, jelas beliau, kerajaan akan memastikan harga jualan bagi ayam yang akan diapungkan berada pada kadar yang munasabah.

**Perluas akses bekalan**

Bagi memudahkan penggunaan, Mohamad berkata, kerajaan akan meluaskan akses kepada bekalan ayam melalui Jualan Agro Madani dan Jualan Rahmah secara berterusan di seluruh negara bagi orang ramai memberikan pilihan.

"Saya memberi jaminan kepada rakyat untuk mendapatkan bekalan ayam pada harga yang berpatutan dan di bawah harga siling semasa.

"Melalui sesi libat urus bersama pemain industri pada 22 Oktober lalu, kerajaan telah mendapatkan komitmen daripada pihak industri supaya harga ayam di ladang yang dikeluarkan tidak mencatatkan kenaikan yang ketara sehingga membebankan pengguna.

Ujar beliau, kerajaan juga bersedia untuk mendapatkan bekalan tambahan daripada sumber luar jika terdapat kekurangan daripada segi bekalan yang menyebabkan kenaikan harga secara mendadak.

Selain itu, kata Mohamad, kerajaan akan terus bekerjasama dengan semua pihak bagi memastikan status bekalan dan harga ayam di ladang berada dalam keadaan stabil serta tidak membebankan rakyat, termasuk memastikan tidak berlaku sebarang aktiviti pencatutan di sepanjang rantai bekalan.

"Justeru, penumpuan untuk memperkasakan industri penternakan ayam melalui bantuan insentif dari segi pembiayaan dana pusingan kepada penternak bersaiz kecil dan sederhana, serta skim mikro kredit sebagai bantuan modal pusingan kepada penternak komuniti dan program transformasi reban ayam terbuka kepada reban ayam tertutup.

"Langkah ini akan memberi peningkatan dari segi akses bekalan secara terus daripada penternak komuniti kepada pemborong-pemborong di pasaran," katanya.

Mengenai langkah intervensi, beliau berkata, tindakan akan diambil melalui penguatkuasaan harga dari pencatutan bagi memastikan harga tidak membebankan rakyat.

"Biasanya (ketika) Jualan Rahmah, harga barang keperluan utama akan turun 10 hingga 30 peratus (daripada) harga pasaran dan akan bantu ringankan bebanan pengguna.

"Harga selalu naik mendadak sebab bekalan tak cukup, tapi kalau tak cukup kita sedia bekalan di luar. Tapi saya yakin bekalan akan cukup sekarang dan masa akan datang.

"Kalau beli ikut kegunaan biasa pasti akan cukup. Jangan buat pembelian panik atau beli untuk stok kerana ia akan menyebabkan bekalan tidak cukup," ujarnya.

### HARGA SILING BAHARU

Bermula 1 November 2023

Kawalan harga ayam standard DITAMATKAN



Gred	Harga Runcit Telur (SEN)
Gred A	47
Gred B	45
Gred C	43